

# BAHASA MELAYU



 **saujana.sg** PENGGOLONGAN KATA  
**kata bilangan**

## MOHAMED NAIM DAUPI



Kata Prafrasa ialah perkataan yang terletak di hadapan frasa yang mendukung tugas-tugas tertentu bagi membuat penegasan, penafian, pemerian, penyendian, pembilangan, serta menunjukkan arah.

**KATA SENDI NAMA** **KATA BANTU** **KATA PENGUAT** **KATA PENEGAS** **KATA NAFI** **KATA PEMERI** **KATA ARAH** **KATA BILANGAN** **KATA ADVERBA**

Kata Bilangan ialah perkataan yang menjadi penerang jumlah pada frasa nama. Kata Bilangan dapat dibahagikan kepada enam bahagian.

**1** KATA BILANGAN TENTU

**2** KATA BILANGAN TAK TENTU

**3** KATA BILANGAN PECAHAN

**4** KATA BILANGAN PISAHAN

**5** KATA BILANGAN HIMPUNAN

**6** KATA BILANGAN TINGKAT

# 1

Kata Bilangan Tentu atau Kata Bilangan Kardinal ialah kata bilangan yang tentu bilangannya. Sekadar contoh: dua, enam, sebelas, tiga puluh, dan sebagainya.

- 1) **Dua** hari lagi, saya akan berangkat ke Australia.
- 2) Budak itu telah berpuasa selama **enam** hari.
- 3) Dia dan keluarganya tinggal di tingkat **sebelas**.
- 4) Kejohanan sepak bola sedunia akan dilangsungkan **tiga puluh** hari lagi.
- 5) Seramai **seratus** pemohon melamar pekerjaan itu.
- 6) Jumlah mahasiswa di universiti baru itu telah melebihi **seribu** orang.
- 7) Seramai **sejuta** remaja tidak mempunyai sijil pos menengah

<b>Nama</b>	<b>nilai</b>	<b>jumlah sifar</b>
ratus	10 puluh	2
ribu	10 ratus	3
juta	1000 ribu	6
biliun	1000 juta	9
triliun	1000 biliun	12
kwadriliun	1000 triliun	15
kwintiliun	1000 kwadriliun	18
seksiliun	1000 kwintiliun	21
septiliun	1000 seksitiliun	24
oktiliun	1000 septiliun	27
noniliun	1000 oktiliun	30
desiliun	1000 noniliun	33

## PANDUAN

- 1) Kata Bilangan Tentu tidak boleh didekatkan dengan kata bilangan pecahan suku dan setengah untuk maksud perhitungan.
  - \* Saya menemuinya selama **satu suku** jam.  
Saya menemuinya selama **satu** jam suku.
  - \* Setiap hari, dia menerima **tiga setengah** dolar.  
Setiap hari, dia menerima tiga dolar setengah.

# 2

Kata Bilangan Tak Tentu ialah kata bilangan yang tak tentu bilangannya. Sekadar contoh: segala, semua, beberapa, para, banyak, sedikit, sesuatu, seluruh, dsb.

- 1) **Segala** pengetahuannya dicurahkan kepada anak buahnya.
- 2) **Semua** kakitangan syarikat itu akan menerima kenaikan gaji pada akhir bulan Jun ini.
- 3) **Beberapa** buah rumah telah terbakar.
- 4) **Para** pelajar akan menduduki peperiksaan.
- 5) Syarikat itu telah menyempurnakan **banyak** projek pembinaan pemerintah.
- 6) Negara itu mengalami **sedikit** perubahan perlembagaan.
- 7) **Sesuatu** kejadian itu ada hikmahnya.
- 8) **Seluruh** ceruk di negeri itu telah dilawatinya.

## Panduan

- 1) Oleh sebab perkataan ini sudah menandakan jamak, kata nama yang mengikutinya tidak perlu diulang.
  - \* Segala kemudahan-kemudahan di estet dijaga rapi.
  - \* Semua pelajar-pelajar yang melanggar peraturan serius akan dikenakan tindakan disiplin.
  - \* Bengkel itu dihadiri oleh para guru-guru baru.
  
- 2) Kata Bilangan para tidak boleh diulang:
  - \* Majlis haul itu diusahakan para-para sahabat Allahyarham.
  - \* Para-para penduduk di kawasan itu akan menjalankan kempen kebersihan.
  
- 3) Antara kata-kata bilangan, ada yang tidak boleh disingkatkan:
  - \* Berbagai kemudahan telah disediakan di estet itu.
  - \* Tiap warga yang berusia dua puluh satu tahu ke atas diwajibkan mengundi.

# 3

Kata Bilangan Pecahan ialah kata bilangan yang menandakan pecahan. Sekadar contoh: setengah, suku, dua pertiga, separuh, seperempat, dsb.

- 1) Saya memberikan setengah kek itu kepada jiran saya.
- 2) Dia menerima suku bahagian harta pusaka ayahnya.
- 3) Dia menggunakan dua pertiga simpanannya untuk meningkatkan pelajarannya.
- 4) Separuh pelanggan suka akan makanan pedas.
- 5) Seperempat pelajar di kelas itu pelajar luar negara.

## Panduan

- 1) Kata bilangan setengah perlu digandakan bagi merujuk maksud sebilangan daripada sesuatu. Setengah biasanya dimaksudkan dengan separuh.
  - \* Setengah orang suka akan makanan laut.
  - \* Setengah anggota masyarakat masih memegang kuat adat tersebut.
  - \* Setengah anggota masih belum melunaskan yuran keanggotaan.

**4** Kata Bilangan Pisahan ialah kata bilangan yang menandakan pisahan. Sekadar contoh: masing-masing, setiap, tiap-tiap, dan sebagainya.

- 1) Masalah itu tidak dapat dihuraikan kerana masing-masing yang terlibat tidak mahu bertolak ansur.
- 2) Setiap pelajar dimestikan mengambil sekurangnya satu kegiatan kokurikulum.
- 3) Tiap-tiap hari, dia memperuntukkan dua jam untuk mengemaskinikan laman webnya.

**5**

Kata Bilangan Himpunan ialah kata bilangan yang menandakan himpunan. Sekadar contoh: kedua-dua, beratus-ratus, beribu-ribu, berkurun-kurun, berguni-guni, dsb.

- 1) Kedua-dua orang anak lelakinya akan melanjutkan pelajarannya di Amerika.
- 2) Beratus-ratus orang terlibat dalam ujian sains itu.
- 3) Beribu-ribu orang turut menyertai tunjuk rasa itu.
- 4) Berkurun-kurun alamanya, negara itu dijajah Amerika.
- 5) Berguni-guni beras telah dihantar ke Aceh untuk diagih-agihkan kepada mangsa Tsunami.

**6** Kata Bilangan Tingkat ialah kata bilangan yang menandakan tahap atau tingkat. Sekadar contoh: pertama, kedua, ketiga dan sebagainya.

- 1) Dia mendapat tempat pertama dalam pertandingan itu.
- 2) Dalam pengundian itu, peserta lelaki itu mendapat giliran kelima.
- 3) Dia mendakwa keturunan kedua belas Hang Tuah.
- 4) Pelancong kelima juta yang datang melalui lapangan terbang itu diberikan hadiah yang lumayan.

**TAMAT**